

Pasukan khas bersih rumah mangsa

Usim tubuh Smart Team fokus misi bantuan pasca banjir di Gua Musang, Kelantan

■ SARINAH MAT KASIM

NILAI - Bagi membantu mangsa banjir di Pantai Timur membersihkan rumah, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menubuhkan pasukan khas peringkat universiti bagi merealisasikan misi tersebut.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, pasukan khas dikenali sebagai Smart Team itu terdiri daripada gabungan pelbagai pihak dalaman Usim antaranya, Persatuan Pegawai Tadrib dan Ikhtisan Usim (Pragmatis), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM).

Beliau berkata, Usim diberi tanggungjawab untuk memfokuskan misi bantuan dan sukarelawan pasca banjir ke Gua Musang, Kelantan.

"Susulan Mesyuarat Khas Ops Banjir yang dipengerusi-

“Operasi pasca banjir ini akan memberi tumpuan kepada agihan bekalan makanan dan keperluan harian serta pembersihan kemudahan awam seperti sekolah, masjid, dewan dan kediaman penduduk.”

- Dr Musa

kan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan pada 31 Disember lalu, kita bersetuju untuk menghantar pasukan khas ini ke Gua Musang dalam misi bantuan pasca banjir ini.

"Operasi pasca banjir ini akan memberi tumpuan kepada agihan bekalan makanan dan keperluan harian serta pembersihan kemudahan awam seperti sekolah, mas-



Pasukan sukarelawan Usim yang akan menjalankan bantuan pasca banjir di Gua Musang, Kelantan.

jid, dewan dan kediaman penduduk," katanya.

Menurutnya, kumpulan pertama bergerak pada malam kelmarin, dengan membawa bekalan lima tan bantuan asas seperti beras, air bersih, lampu pakai buang, susu bayi, biskut dan ubat-ubatan hasil

sumbangan orang ramai di Bilik Gerakan Usim.

"Manakala kumpulan kedua akan bertolak pada 6 Januari ini," katanya di sini, semalam.

Musa berkata, bagi tujuan penyelarasan tugas dan lokasi semasa di Gua Musang

nanti, kumpulan ini akan bekerjasama dengan Sekretariat Himpunan Siswa Anak Kelantan (Himsak).

Turut menyertai adalah sebuah ambulans Usim yang membawa pegawai perubatan yang akan menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada

mangsa banjir.

"Sebagai tanda komitmen tinggi universiti kepada misi operasi pasca banjir, sejumlah peruntukan kewangan turut disediakan dan kakitangan yang terlibat sebagai sukarelawan akan diberikan pelepasan bertugas (bekerja)," katanya.